

30/08/1999

Pertumbuhan Proton terpanas di dunia

SEPANG, Ahad - Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton) kini menjadi syarikat pengeluar automobil yang mencatat pertumbuhan terpanas di dunia, walaupun dibandingkan dengan syarikat terkemuka negara maju.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pertumbuhan yang dicatat Proton adalah lebih pantas daripada mana-mana syarikat lain di seluruh dunia.

"Jika bercakap mengenai pembentukan imej jenama kereta, Proton adalah syarikat pengeluar kereta yang mencatat perkembangan terpanas... lebih pantas daripada orang lain," katanya kepada pemberita selepas melepaskan Perlumbaan Antarabangsa Merdeka Proton 300km, di sirkit Sepang F1, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas sama ada kejayaan Proton boleh meletakkannya setaraf dengan syarikat pengeluar kereta terkemuka lain, berikutan ia semakin menjadi tumpuan syarikat luar.

Justeru, Dr Mahathir berkata bagi memastikan kewibawaan Proton terus cemerlang, syarikat itu kini sedang merekacipta enjinnya sendiri.

"Enjin baru ini adalah enjin yang kita rekacipta sendiri dan diharap dapat dikeluarkan sepenuhnya oleh Malaysia dalam tempoh dua tahun lagi, sebelum memulakan pengeluarannya secara komersil.

"Kita mempunyai kemampuan itu sekarang iaitu mencipta enjin baru untuk kereta kita, (oleh itu) saya berharap dalam tempoh dua tahun lagi kita dapat mempunyai kereta dengan enjin sepenuhnya buatan Malaysia," katanya.

Berdasarkan rekod, walaupun Malaysia menghadapi kegawatan ekonomi yang serius dalam tempoh 18 bulan lalu, industri automotif negara masih mampu mengeluarkan 116,464 kereta penumpang dalam tempoh enam bulan tahun ini, berbanding 148,958 unit tahun lalu.

Bagi Proton sahaja, antara Januari hingga Jun lalu, syarikat itu mengeluarkan 73,884 unit kereta penumpang dan mencatat penjualan sebanyak 70,042 unit, menguasai 65.6 peratus pasaran.

Malaysia mengeksport 45.7 peratus kenderaan bermotor ke Britain, Turki (10.2 peratus), Australia (6.9 peratus), Hong Kong (6.1 peratus), Jerman (5.1 peratus) dan bakinya ke negara lain, mencatat pendapatan RM734.2 juta dari industri itu tahun lalu.

Menjawab soalan, Dr Mahathir berkata kerajaan bersetuju menghapuskan duti import go-kart untuk menggalakkan sukan permotoran yang semakin berkembang di negara ini.

Beliau berkata, penghapusan duti import terhadap go-kart itu adalah sebagai permulaan dan tidak menolak kemungkinan untuk mengkaji penghapusan duti import bagi komponen kenderaan sukan bermotor yang lain.

"Buat masa ini tidak (menghapuskan duti import). Kita tidak akan melakukannya sekarang kerana kerajaan masih memerlukan wang daripada cukai yang dikenakan," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir turut melahirkan puas hati terhadap sukan bermotor kerana semakin menjadi kegemaran ramai dan berharap sambutan memberangsangkan itu dapat menarik lebih ramai penaja.

Katanya, memang ada cadangan mengadakan perlumbaan di Litar Sepang ini sebagai acara mingguan, tetapi perlu dikaji dengan teliti.

"Tengku Mahaleel ada mencadangkan perlumbaan diadakan setiap minggu tetapi saya tidak tahu sama ia mampu dilakukan atau tidak.

"Bagaimanapun, (buat masa ini) kita akan bermula dengan mengadakan perlumbaan sekali dalam masa satu, dua atau tiga bulan," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri melepaskan 72 kereta yang menyertai Perlumbaan Antarabangsa Merdeka Proton 300km, di gelanggang yang menjadi tempat perlumbaan F1 Petronas Grand Prix Malaysia, pada Oktober.

Bersama Dr Mahathir menyaksikan perlumbaan itu ialah lebih 25,000 penonton yang diberikan sedikit gambaran apa yang menanti mereka semasa perlumbaan berprestij F1 nanti.

Turut hadir Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom, Tan Sri Salleh Sulong dan Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Tengku Mahaleel Tengku Ariff.

(END)